

▼17/01/18-44MST

CNS7681

U GB 17-01 00167 BA517

BAH

Mahathir - Perlembagaan 3 Kuala Lumpur

Perkembangan terbaru ini melegakan pelbagai pihak yang selama ini kluatir Raja-raja mungkin akan menolak cadangan pindaan itu dan sekaligus mencetuskan krisis perlembagaan yang terburuk dalam sejarah Malaysia moden.

Persetujuan ini yang dicapai di saat-saat akhir menjelang persidangan khas Parlimen esok khusus untuk membahaskan pindaan itu menamatkan pelbagai spekulasi negatif terhadap sikap Raja-raja berhubung dengan cadangan kerajaan itu.

Mesyuarat hari ini diadakan secara mengejut kerana Raja-raja dijadualkan mengadakan mesyuarat rasmi esok. Para pemberita hanya mengetahui mengenai mesyuarat hari ini apabila Ghafar tidak hadir pada satu majlis di Sungai Buloh petang ini kerana terpaksa bergegas ke Istana Negara.

Sumber-sumber Jabatan Perdana Menteri memberitahu Dr Mahathir sedang berada di rumah apabila beliau menerima panggilan daripada Istana Negara pada kira-kira pukul 2 petang.

Semalam, selepas menghadiri satu pertemuan tidak rasmi dengan kesemua Raja-raja Melayu di tempat yang sama, Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu telah menampakkan jalan penyelesaian kepada perkara yang berbangkit sekarang. -- Lagi.

▼17/01/19-00MST

CNS7683

U GB 17-01 00151 BA518

BAH

Mahathir - Perlembagaan 4 Kuala Lumpur

Kontroversi berhubung pindaan itu bermula apabila jurulatih hoki Douglas Gomez membuat laporan polis mendakwa dia dipukul di Istana Bukit Serene oleh Sultan Johor.

Insiden itu mencetus kemarahan rakyat ketahap yang belum disaksikan sebelum ini yang memaksa kerajaan untuk bertindak dengan tegas selaras dengan kehendak demokrasi.

Pada 10 Dis Parlimen meluluskan usul yang dibentangkan Ghafar untuk melahirkan rasa kesal dan bimbang atas insiden itu dan meminta kerajaan mengambil tindakan untuk mengelakannya daripada berulang.

Berikutan dengan itu kerajaan mengambil keputusan untuk meminda Perkara 181 (2) Perlembagaan Persekutuan yang memberi imuniti kepada Raja-Raja Melayu daripada segi undang-undang.

Pindaan itu juga memperuntukan bahawa Raja-Raja tidak boleh mengampunkan diri sendiri atau kaum kerabat mereka, serta anggota-anggota Parlimen dan Dewan Undangan Negeri boleh membahaskan isu berkaitan raja-raja di dewan tersebut secara terbuka asalkan tidak mencadangkan penghapusan institusi Raja. -- Lagi.

▼17/01/19-03MST

CNS7687

U GB 17-01 00134 BA519

BAH

Mahathir - Perlembagaan 5 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, Perkara 38 (4) Perlembagaan Persekutuan menghalang undang-undang menyentuh keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran raja-raja dilulus tanpa persetujuan mereka.

Tetapi kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan cadangan mengemukakan pindaan itu di Persidangan Khas Parlimen esok, walaupun tanpa persetujuan Raja-raja.

Pelbagai pihak meramalkan sekiranya ini berlaku krisis perlembagaan yang lebih hebat daripada apa yang berlaku pada tahun 1983 tidak dapat dielakan.

Krisis 1983 berhubung dengan satu pindaan Perlembagaan yang menyentuh peranan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja dalam memberikan perkenan terhadap rang undang-undang yang telah diluluskan Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri.

Sekiranya pindaan sekarang diluluskan Parlimen tanpa persetujuan Raja-raja kemungkinan besar sesetengah pihak akan mencabar kesahihan undang-undang itu di mahkamah. Ini akan memulakan satu pertarungan mahkamah yang berpanjangan. -- Lagi.

▼17/01/19-12MST

CNS7689

U GB 17-01 00103 BA520

BAH

Mahathir - Perlembagaan 6 (Akhir) Kuala Lumpur

Rentetan peristiwa mesyuarat tidak rasmi Raja-raja dengan wakil kerajaan hari ini:

3.25 petang - Ketibaan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan diikuti Pemangku Raja Selangor, Raja Perlis, Peguam Negara, Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri, Sultan Pahang, Perdana Menteri dan Sultan Terengganu.

5.46 petang - Perdana Menteri meninggalkan Istana Negara diikuti Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Peguam Negara.

6.20 petang - Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan meninggalkan perkarangan Istana Negara dan diikuti Raja Perlis, Sultan Pahang, Sultan Terengganu dan Pemangku Raja Selangor. -- Bernama.

▼17/01/19-16MST